

Tak mudah jadi orang miskin!

Mangsa dikasari penguat kuasa DBKL menjual belon kerana tak banyak kerja sebagai kedi golf



MUHAMMAD Za'imuddin sebak menceritakan pengalamannya.

Oleh Suraya Roslan
suraya@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

“Saya hanya jual belon, saya tidak jual dadah. Kalau saya bekas penjenayah adakah saya boleh dipukul, ditendang, diterajang, dicekup leher dan diperlakukan zalim?”

Demikian rintihan Muhammad Za'imuddin Azlan berhubung insiden kekecohan membabitkan dirinya dan penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) di sini, beberapa hari sebelum Aidilfitri.

Muhammad Za'imuddin, 29, berkata, dia hanya berniaga belon untuk mencari rezeki halal.

“Oleh kerana hari raya hampir tiba saya jual belon secara separuh masa kerana kerja sepenuh masa sebagai kedi golf tidak banyak waktu itu,” katanya dalam sidang media selepas membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi, semalam.

Dalam sidang media itu, Muhammad Za'imuddin ditemani ibunya, Hasnah Mat Isa, 54; peguam Muhammad Rafique Rashid Ali dan doktor swasta Dr Mohd Hafidz Rizal Amran.

Anak kedua daripada tiga beradik itu mendakwa, pada 28 Mac lalu, dia berniaga belon di Sogo untuk menampung perubatan pembedahan hernia yang dijadualkan pada 18 April ini.

“Adakah sebab saya pernah ada kes, maka saya tidak boleh cari rezeki halal?”



Oleh kerana hari raya hampir tiba saya jual belon secara separuh masa kerana kerja sepenuh masa sebagai kedi golf tidak banyak waktu itu”

Muhammad Za'imuddin

Kalau saya ada kes lampau adakah itu lesen untuk siapa-siapa sahaja boleh puluk saya?

“Kalau saya miskin, susah dan ada kes lampau adakah DBKL boleh layan saya macam sampah?” katanya.

Katanya, dia akan mengambil tindakan un-

dang-undang demi mempertahankan diri dan maruah keluarganya.

“Jika saya mempunyai kes lampau, adakah bermaksud saya tidak ada tempat untuk lawan orang yang buat salah dengan saya? Saya ambil tindakan ini kerana saya ada hak pertahan diri saya dan maruah keluarga saya,” katanya.

Menurutnya, pada yang mencemuh dirinya dengan kata-kata hina, dia mendoakan supaya mereka tidak melalui situasi yang dihadapinya.

“Saya lihat video saya dipukul viral. Saya mohon maaf pada ibu, ayah dan kakak serta adik saya.

“Saya hendak berubah. Bukan mudah jadi orang miskin dan susah, saya akan lawan sebab perkara ini zalim.

“Pada pihak berkuasa.



MUHAMMAD Za'imuddin terpaksa menggunakan kerusi roda ketika hadir pada sidang media selepas membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi, semalam.

Tolong jaga integriti dan bertindak ikut undang-undang, saya hanya mencari sesuap nasi bagi diri saya dan keluarga, kami pun hendak berhari raya macam orang lain,” katanya.

Ditanya mengenai 13 kes lampau yang memetik sumber, dia menyerahkan kepada peguamnya untuk menjawab persoalan itu.

Sementara itu, Muhammad Rafique berkata, semua laporan media memetik sumber mengenai rekod lampau Muhammad Za'imuddin.

“Sumber ini siapa yang keluarkan, sebab sebaik sahaja keluar semua media ‘pickup’ ayat yang sama, seolah seperti ada lontaran sumber untuk memburukkan nama Muhammad Za'imuddin dan keluarganya.”

“Seperti saya kata biar macam mana rekod dia, adakah beliau layak dikanak sebegini rupa (dikasari) dan kita tunggu pengesahan rasmi, kerana ada satu jabatan di Bukit Aman yang menjaga rekod kesalahan lampau.

“Kesalahan lampau ini biasanya kita selalu guna di mahkamah oleh pendakwa raya sebelum jatuh hukum. Untuk menunjukkan orang ini tak belajar dari kesalahan lampau, maka harus dikenakan hukuman tinggi,” katanya.

Menurutnya, dalam laporan polis semalam Muhammad Za'imuddin mendakwa dua penguat kuasa berpakaian awam datang ke arahnya tanpa menunjukkan kad kuasa kemudian terus merampas belon.

“Mangsa tidak bertindak ganas dan melawan, semua ada dalam laporan polis ini dan anak guam saya percaya dia tidak menghalang tugas penjawat awam, hanya nak menyelamatkan diri daripada tindakan ganas penguat kuasa DBKL,” katanya yang mengesahkan tindakan undang-undang akan diambil selepas keadaan anak guamnya kembali pulih.

Sebelum ini, media melaporkan berlaku kekecohan di Jalan TAR apabila serbuan DBKL terhadap peniaga tanpa lesen bertukar menjadi pergaduhan.

Berdasarkan dua rakaman video tular berdurasi lebih tiga minit di media sosial, berlaku aksi tolak menolak antara pegawai penguat kuasa DBKL dan sekumpulan peniaga yang cuba mempertahankan barangan jualan mereka.

Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Azry Akmar Ayob juga dilaporkan berkata tiga laporan polis diterima berkaitan insiden berkenaan pada 28 Mac lalu.